| LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP) | VERSI BAHASA MALAYSIA |
|---|---|
| **(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil Bank sebelum menandatangani di bawah).** | Bank : **AFFIN ISLAMIC**<br>Produk :<br>• **Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN**<br>• **Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN** |

## 1. Apakah produk ini? *

- **<u>Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN</u>**
  Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN ialah kemudahan pembiayaan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di universiti/kolej tempatan/swasta terpilih bagi program asasi, pra-universiti (A-Level), sijil, diploma, ijazah, pasca-siswazah (Ijazah Sarjana & Doktor Falsafah) dan kursus profesional. Program kerja kursus yang layak adalah tertakluk pada kelulusan pihak Bank. Selain itu, pembiayaan juga untuk menampung yuran sampingan atau perbelanjaan penting berkaitan pendidikan yang disediakan atau difasilitasi oleh Institusi termasuk tetapi tidak terhad kepada penginapan, bahan bacaan, makanan, utiliti, yuran permohonan visa, pengangkutan, Internet dan Insurans/Takaful.

- **<u>Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN</u>**

  **<u>Pembiayaan Baru</u>**
  Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN ialah kemudahan pembiayaan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi di universiti/kolej tempatan yang bukan panel dan diluar negara. Ia dibuka bagi program asasi, pra-universiti (A-Level), sijil, diploma, ijazah, pasca-siswazah (Ijazah Sarjana & Doktor Falsafah) dan kursus profesional. Program kerja kursus yang layak adalah tertakluk pada kelulusan pihak Bank dan perlulah patuh Shariah. Selain itu, pembiayaan juga untuk menampung yuran sampingan atau perbelanjaan penting berkaitan pendidikan yang disediakan atau difasilitasi oleh Institusi termasuk tetapi tidak terhad kepada penginapan, bahan bacaan, makanan, utiliti, yuran permohonan visa, pengangkutan, Internet dan Insurans/Takaful.

  **<u>Pembiayaan Semula</u>**
  Pembiayaan semula untuk penyelesaian pembiayaan pendidikan semasa pemohon dengan pembiaya sedia ada. Pembiayaan semula ini hanya terbuka kepada pemohon yang telah menamatkan program kursus Juruterbang dan sedang bekerja sebagai pegawai penerbangan dengan pengendali komersial. Bagi kursus lain, pemohon mestilah telah bekerja dengan majikan yang sama selama sekurang-kurangnya 1 tahun atau telah bekerja dalam industri yang sama selama sekurang-kurangnya 2 tahun.

## 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **<u>Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN</u>**
  - Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN adalah berdasarkan konsep usufruk *Ijarah* (sewaan).
  - *Ijarah* merujuk kepada kontrak yang memindahkan pemilikan usufruk dan/atau servis yang dibenarkan untuk tempoh tertentu sebagai pertukaran kepada sesuatu perkara.
  - Kontrak *Ijarah* yang dilaksanakan untuk aset pendasar di sini merujuk kepada ”program kerja kursus” sebagai servis/manfaat yang ditentukan oleh pemilik sewaan untuk diberikan kepada penyewa (pelajar) mengikut tempoh masa tertentu yang dipersetujui.

- **<u>Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN</u>**
  - ***<u>Tawarruq</u>***
    Konsep Syariah yang terpakai untuk Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN ialah *Tawarruq*. *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual Komoditi kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.
  - ***<u>Wakalah</u>***
    Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep *Wakalah*. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.
  - ***<u>Wa'd</u>***
    Pelanggan akan melaksanakan Akujanji Pembelian berdasarkan konsep *Wa`d.* Di bawah Akujanji Pembelian tersebut, Pelanggan berjanji untuk membeli daripada Bank komoditi patuh Syariah tertentu (“Komoditi” terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain) seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi pada Harga Jualan Bank.

## 3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

| | |
|---|---|
| Kelayakan (Pelajar) | **<u>Pembiayaan Baru</u>**<br>▪ Warganegara Malaysia berumur antara 18 tahun hingga 45 tahun.<br>▪ Untuk pelajar sepenuh masa dan separuh masa, pelajar ambilan baru atau sedia ada.<br>▪ Pelajar separuh masa mestilah bekerja dan permohonan akan diterima samada terdapat pemohon bersama atau tidak.<br><br>**<u>Pembiayaan Semula</u>**<br>**<u>Selain daripada Program Juruterbang</u>**<br>▪ Warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan sehingga 45 tahun. |

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

- Pemohon mestilah telah bekerja dengan majikan yang sama selama sekurang-kurangnya 1 tahun atau telah bekerja dalam industri yang sama selama sekurang-kurangnya 2 tahun.

**<u>Program Juruterbang</u>**

- Warganegara Malaysia berumur antara 21 tahun hingga 45 tahun
- Telah disahkan sebagai pegawai juruterbang atau bekerja dalam industri penerbangan sekurang-kurangnya 1 tahun dengan pengendali lesen komersial.

**Kelayakan (Pemohon Bersama)**

- Warganegara Malaysia
- Umur minimum 21 tahun ke atas.
- Umur maksimum 65 tahun pada tamat tempoh pembiayaan
- Pelajar Sepenuh Masa :Minimum satu (1) pemohon bersama/bersama daripada ahli keluarga terdekat atau bukan keluarga terdekat.
- Pelajar Sambilan : Bank mungkin memerlukan sekurang-kurangnya satu (1) pemohon bersama/bersama daripada ahli keluarga terdekat atau bukan ahli keluarga terdekat jika perlu.
- Sekurang-kurangnya seorang (1) pemohon bersama mesti menetap di Malaysia dengan pendapatan.

| Jenis Pembiayaan | Pendapatan Minimum |
|---|---|
| Pembiayaan Baru | **<u>Selain daripada Program Juruterbang</u>**<br>▪ Minimum RM5,000/bulan; atau<br>▪ Dua (2) pemohon bersama diperlukan dengan pendapatan minimum RM3,000/bulan bagi setiap pemohon bersama jika pemohon bersama tunggal tidak dapat memenuhi pendapatan minimum.<br>**<u>Program Juruterbang</u>**<br>▪ Minimum gabungan pendapatan kasar bulanan RM10,000, tertakluk kepada minimum setiap Pemohon Bersama ialah RM5,000. |
| Pembiayaan semula | **<u>Selain daripada Program Juruterbang</u>**<br>▪ Pemohon Tunggal - Pendapatan minimum RM5,000 sebulan.<br>▪ Pemohon Bersama - Pendapatan gabungan minimum sebanyak RM6,000 sebulan, tertakluk kepada pendapatan minimum setiap Pemohon Bersama sebanyak RM3,000 sebulan.<br>**<u>Program Juruterbang</u>**<br>▪ Permohonan Tunggal – Pendapatan minimum RM10,000 sebulan.<br>▪ Permohonan Bersama – Pendapatan gabungan minimum RM10,000 sebulan, tertakluk kepada pendapatan minimum setiap Pemohon Bersama RM5,000 sebulan |

**Margin Pembiayaan**

| Jenis Pembiayaan | Butiran |
|---|---|
| Pembiayaan Baru | ▪ Sehingga 90% daripada Yuran Kursus Pengajian + Yuran sampingan untuk pembiayaan bersih atau pembiayaan yang dijamin sehingga 50% liputan sekuriti; atau<br>▪ Sehingga 100% daripada Yuran Kursus Pengajian + Yuran sampingan untuk pembiayaan yang dijamin sehingga 50% liputan sekuriti; atau<br>▪ Sehingga baki jumlah yang tidak ditaja oleh pihak ketiga (MARA/PTPTN/Institusi Kewangan Lain) atau bayar-sendiri, yang mana lebih rendah.<br>▪ Perlindungan Takaful sehingga 5% daripada Yuran Kursus Pengajian |
| Pembiayaan semula | ▪ Sehingga jumlah penyelesaian pembiayaan pendidikan semasa pemohon dengan pembiaya sedia ada.<br>▪ Perlindungan Takaful adalah sehingga 5% daripada jumlah pembiayaan. |

**Jumlah Kemudahan**

- Minimum: RM5,000
- Maksimum: RM400,000

<u>Nota:</u>
**Jumlah kemudahan** sehingga **RM600,000** layak untuk kursus perubatan, kejuruteraan. Kursus penerbangan dan pembiayaan semula sahaja.

**Tempoh Kemudahan**

- Minimum: 5 tahun
- Maksimum: 20 tahun

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

**Kadar *Ujrah/ Keuntungan* (setahun)**

| Kadar Paparan – Jaminan Penuh | Kadar Paparan – Jaminan Separa |
|---|---|
| KAS + 3.46% = 6.46% | KAS + 3.81% = 6.81% |

**Kadar Paparan – Pembiayaan Tanpa Jaminan/Bersih**

| Peringkat | Jumlah Pembiayaan | Kadar Pembiayaan % |
|---|---|---|
| 1 | RM 5,000 to RM 50,000 | KAS + 5.45 = 8.45 |
| 2 | RM 50,001 to RM 400,000 | KAS + 5.70 = 8.70 |
| 3 | RM 400,001 to RM 600,000 | KAS + 5.95 = 8.95 |

**Note:**

- Kadar ujrah/keuntungan akan ditentukan pada waktu permohonan.
- Sila layari AffinAlways.com untuk Kadar Asas Standard (KAS) terkini.
- Bagi Konsep Ijarah kemudahan yang disandarkan kepada KAS, Kadar Keuntungan Efektif adalah tertakluk kepada kadar minimum 1.00% setahun atau kadar minimum lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan dua puluh satu (21) hari kalendar pemberitahuan awal kepada Pelanggan.

**Kadar Siling/Kadar *Ujrah* Siling**

15.00% setahun

**Tempoh Tangguh Tambahan**

**Pembiayaan Baru**

Tambahan enam (6) bulan kepada Tempoh Tangguh yang digunakan

**Pembiayaan Semula**

Tidak terpakai

***Ujrah/ Keuntungan* Bulanan**

**Pembiayaan Baru**

- Pelanggan hendaklah membayar amaun bayaran khidmat *Ujrah/Keuntungan* bulanan berdasarkan kepada jumlah pembayaran amaun sepanjang tempoh tangguh. Seterusnya, memulakan pembayaran penuh bulanan selepas tamat tempoh tangguh.
- *Pembayaran penuh* bulanan akan bermula dengan segera sekiranya pelajar diberhentikan oleh Universiti/Kolej atas sebarang sebab.

**Pembiayaan Semula**

- Tidak terpakai.
- Bayaran penuh bulanan akan dimulakan serta-merta selepas pembayaran pembiayaan penuh.

**Terma-terma dan Syarat-syarat Lain**

**Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN**

- Pembayaran dibuat terus ke Universiti/Kolej berdasarkan kepada jumlah tuntutan yang dibuat oleh pihak Universiti/Kolej setiap semester.
- Universiti/Kolej perlu memberitahu pihak Bank dengan segera mengenai pemberhentian pelajar daripada program kerja kursus.
- Tertakluk kepada kelulusan Bank, Pelanggan boleh mengemukakan invois/bil kepada Bank untuk pembayaran terus kepada Universiti/Kolej.

**Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN**

| Jenis Pembiayaan | Maklumat |
|---|---|
| Pembiayaan Baru | ▪ Pelanggan dikehendaki menyerahkan invois/bil Universiti/Kolej kepada Bank untuk pembayaran.<br>▪ Pengeluaran dibuat terus kepada Universiti/Kolej mengikut tuntutan yang dibuat oleh Universiti/Kolej setiap semester.<br>▪ Untuk Universiti/kolej Luar Negara:<br>o pembayaran hendaklah dibuat melalui kiriman wang atau pemindahan telegraf oleh Bank.<br>o jika jumlah pembiayaan tidak mencukupi untuk menampung yuran kerja kursus disebabkan oleh turun naik mata wang, jumlah kekurangan hendaklah ditanggung oleh pelanggan.<br>o jika jumlah pembiayaan lebihan disebabkan oleh turun naik mata wang, jumlah lebihan itu hendaklah digunakan untuk pembayaran prinsipal. |
| Pembiayaan semula | ▪ Pengeluaran dibuat terus kepada pembiayaan pendidikan semasa pemohon dengan pembiaya sedia ada. |

***Nota:***

*Amaun yang diluluskan dan tempoh Kemudahan anda adalah bergantung kepada penilaian kredit dan kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh pihak Bank.*

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

**AFFIN ISLAMIC**

## 4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

## 5. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?

KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).

## 6. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh tiga (3) tahun yang lepas:

Sila rujuk AffinAlways.com untuk data sejarah terkini.

Pergi ke PERIBADI > Pinjaman dan Pembiayaan > Pendidikan > Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN/ Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN > Maklumat Penting >Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan

## 7. Apakah kewajipan saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar amaun bayaran khidmat *Ujrah/Keuntungan* selama tempoh tangguh dan ansuran bulanan penuh setelah tamat tempoh tangguh Kemudahan ini.
- Sekiranya pemotongan gaji yang dibuat oleh majikan/pemindahan dana automatik daripada akaun gaji yang dikekalkan dengan pihak Bank masih belum bermula, anda bertanggungjawab untuk membayar *ansuran* bulanan tepat pada masanya dan seharusnya dibayar seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran.
- **Penting:** Ansuran bulanan dan jumlah *Ujrah*/Keuntungan pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk pada perubahan Kadar Asas Standard (KAS).

**Example:**

| | |
|---|---|
| **Jumlah Keseluruhan Pembiayaan** | RM100,000 |
| **Kadar *Ujrah*/Keuntungan** | KAS + 2.00% setahun |
| **Tempoh** | 10 tahun |

| | KAS hari ini 3.00% setahun | Jika KAS meningkat 1% | Jika KAS meningkat 2% |
|---|---|---|---|
| **Ansuran bulanan untuk 10 tahun (RM)** | 1,061.00 | 1,111.00 | 1,162.00 |
| **Keseluruhan jumlah *Ujrah* /keuntungan dibayar di penghujung 10 tahun (RM)** | 27,278.62 | 33,224.60 | 39,330.18 |
| **Keseluruhan jumlah dibayar di penghujung 10 tahun (RM)** | 127,278.62 | 133,224.60 | 139,330.18 |

**PENTING:**

- *Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.*
- *Sila rujuk laman web kami di* AffinAlways.com *untuk KAS terkini.*

Pada tempoh matang Kemudahan, anda harus membayar baki belum jelas sepenuhnya atau pihak Bank dengan pertimbangannya, memberikan lanjutan tempoh Kemudahan untuk memudahkan penyelesaian melalui amaun pembayaran bulanan yang dipersetujui. Sekiranya tempoh Kemudahan yang diberikan telah dilanjutkan melebihi usia persaraan, anda tetap wajib membayar ansuran bulanan tersebut. Namun, anda boleh memilih pada bila-bila masa untuk menyelesaikan sepenuhnya Kemudahan ini setelah mencapai usia persaraan.

## 8. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

| Jenis Yuran/Caj | Butiran Yuran/Caj |
|---|---|
| Duti Setem | Seperti Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989) |
| Yuran mendapatkan Sekuriti Dokumen (bagi setiap permintaan – set lengkap dokumen) | RM30.00 |
| Penyata Pembiayaan Tambahan (setiap permintaan) | RM10.00 |
| *Fi Broker | Fi Broker adalah yuran yang dikenakan untuk setiap transaksi Tawarruq yang dilaksanakan oleh pihak Bank. Fi broker yang dikenakan adalah pada RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta berdasarkan asas pro-rata. |
| *Caj Penghantaran Komoditi | Kos sebenar akan ditanggung oleh pelanggan |

**Nota:**

- *Terpakai kepada Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN sahaja.
- Fi Broker adalah tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi.
- Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas Kemudahan anda.

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

- Seperti semua terma dan syarat lain yang terkandung dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran/Terma dan Syarat Am.

**9. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?**

- Sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan pembayaran anda tepat pada masanya, caj ganti rugi (*Ta'widh*) berikut akan terpakai:
- **Sebelum tarikh matang Kemudahan tersebut**

  Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran bulanan tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh:

  $$= \text{Keuntungan/Ujrah/Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- **Semasa dan selepas tarikh matang Kemudahan tersebut**

  Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang antara Bank Secara Islam (IIMM) pada baki belum jelas ditolak *ibra* '(jika ada);

  $$= \text{Baki belum jelas} \times \text{Kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula daripada tarikh pembayaran pertama kali dimungkiri sehingga tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Caj ganti rugi pada kadar yang disebutkan di atas akan dibayar oleh anda selepas dan juga sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj ganti rugi yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amaun caj ganti rugi tersebut tidak akan dikompaun lagi.

- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami awal untuk membincangkan pembayaran alternatif. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan akibat berikut:
  - Kami boleh menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun Kemudahan ini yang, kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
  - Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Harta anda mungkin akan dirampas dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengan perampasan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kurangan selepas harta anda dijual, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan baki tersebut.
  - Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

- Sila rujuk kewajipan lain seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Berserta Surat Tawaran/Terma dan Syarat Am.

**10. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh terkunci *(lock-in)* untuk Kemudahan ini dan tiada yuran yang dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang.

**Pembiayaan Pendidikan-i AFFIN**

Anda boleh membeli Program Kursus Pengajian daripada pihak Bank pada Harga Laksana:

| Rebat (ibra) = Ujrah Tertunda - Kos Anggaran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank |
|---|

**Nota:**
- Ujrah Terakru =Jumlah Ujrah Kontrak -Ujrah Terakru
- Jumlah Ujrah Kontrak = Harga Sewaan Bank – Amaun Pembiayaan Bank
- Ujrah terakru dikira pada Kadar Ujrah Efektif atas baki prinsipal yang digunakan.

**Pembiayaan Pendidikan-i Tawarruq AFFIN**

Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') yang bersamaan dengan Keuntungan Tertunda semasa waktu penyelesaian:

| Rebat (*Ibra'*) = Keuntungan Tertunda – Kos Anggaran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank |
|---|

**Nota:**
- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan Dipersetujui= Harga Jualan Bank– Harga Belian Bank
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif atas prinsipal tertunggak yang digunakan.

**11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.
- Cagaran mungkin diperlukan sama ada cagaran penuh atau sebahagian terhadap Deposit Berjangka-i, sijil ASB/ASB2 atau hartanah tak alih yang bebas cagaran.

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

AFFIN ISLAMIC

## 12. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

- Takaful Keluarga Kredit Berkelompok (TKKB) adalah digalakkan untuk diambil oleh kedua-dua pemohon dan pemohon bersama.
- Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, pihak Takaful akan membayar semua amaun belum jelas Kemudahan anda dengan Bank. Ini akan meringankan beban pembayaran bagi waris atau keluarga terdekat anda.

**Nota:**

Pihak Bank akan memberi sebut harga untuk sebarang perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful Bank. Walau bagaimanapun, anda juga bebas memilih perkhidmatan Takaful daripada syarikat pengendali Takaful yang lain.

## 13. Apakah risiko utama?

Kadar *Ujrah*/Keuntungan bagi Kemudahan ini adalah terapung dan disandarkan kepada Kadar Asas Standard (KAS). Kenaikan dalam kadar *Ujrah*/Keuntungan mungkin mengakibatkan bayaran bulanan lebih tinggi/lanjutan tempoh Kemudahan. Walau bagaimanapun, kadar *Ujrah*/keuntungan adalah dihadkan kepada 15% setahun.

**Nota:**

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan Kemudahan anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.

## 14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.
- Selaras dengan dasar/garis panduan Affin Islamic Bank Berhad dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan pada butiran peribadi perlulah secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.

## 15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran di:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat:<br>**AFFIN BANK BERHAD**<br>**Jabatan Pengurusan Kualiti Aset**<br>401 & 501, Block C, Kelana Business Centre,<br>Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya,<br>Selangor Darul Ehsan. | No Hubungan<br>Waktu Operasi:<br>8:45 pg. – 5:45 ptg.<br>(Isnin– Khamis)<br>8:45 pg. – 4:45 ptg.<br>(Jumaat) | 03-8230 2828 |

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi “e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan” yang boleh didapati di laman web Bank di AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi kami di:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat:<br>**Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**<br>Tingkat 9, Menara AFFIN,<br>Lingkaran TRX,<br>Tun Razak Exchange,<br>55188 Kuala Lumpur. | No Hubungan<br>Waktu Operasi:<br>8:00 pg. – 12:00 mlm.<br>(Isnin – Ahad) | 03-8230 2222 |
| | E-mel | YourVoice@affingroup.com |
| | Laman Web | https://www.affingroup.com<br>https://www.affinalways.com |

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat:<br>**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**<br>Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya<br>(Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),<br>Jalan Raja Laut,City Centre, 50350 Kuala Lumpur. | AKPK Infoline | 03-2616 7766 |
| | No. Faks | 03-2616 7601 |
| | Waktu Operasi | 9:00 pg. – 5:00 ptg.<br>(Isnin – Jumaat) |

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK di:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat:<br>**BNMLINK**<br>Bank Negara Malaysia<br>P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922)<br>50929 Kuala Lumpur | No. Telefon<br>Waktu Operasi:<br>9:00 pg. – 5:00 ptg.<br>(Isnin – Jumaat) | 1-300-88-5465 |
| | No. Faks | 03-2174 1515 |
| | Borang Web eLINK | https://bnmlink.bnm.gov.my |

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)

| 16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? |
|---|
| Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan, sila kunjungi cawangan Bank yang berhampiran atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 atau layari laman web kami di AffinAlways.com untuk maklumat lebih lanjut. |

| 17. Pakej pembiayaan lain yang disediakan |
|---|
| ▪ Pembiayaan Peribadi-i AFFIN ISLAMIC |

## NOTA PENTING:

## TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN ANDA

**NAMA** : ______________________________

**TANDATANGAN** : ______________________________

**TARIKH** : ______________________________

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah daripada **1 MAC 2025**

Hak Cipta 2025 Affin Islamic Bank Berhad 200501027372 (709506-V)